



Fikir dahulu sebelum bertindak

Ketua Imam Masjid Muadz Jabal, Taman Setia wangsa, Kuala Lumpur, Ustaz Haji Shahrizan Daud At Turabi (*gambar*) berkata, setiap wanita yang ingin mendirikan rumah tangga lebih-lebih lagi dengan warga asing perlulah mempunyai mentaliti yang kuat dalam semua aspek.

Beliau berkata, wanita tempatan juga perlu bersedia menghadapi rintangan dan cabaran yang ada serta perkara negatif bakal berlaku, antaranya berdepan dengan isu perceraian, perebutan anak dan banyak lagi.

Katanya, mereka yang berhasrat untuk hidup bersama warga asing, perlu menyedari isu perundangan yang mesti diambil kira, bukan saja berkenaan perkahwinan dibina terputus di tengah jalan, tetapi beberapa isu lain seperti status kewarganegaraan anak.

"Apa yang saya nyatakan ini bukan sekadar 'kata-kata' sebaliknya berdasarkan fakta dan isu semasa yang berlaku semenjak kebelakangan ini.

"Sebab itu, saya amat berharap anak-anak muda (wanita atau gadis tempatan) pada hari ini berfikir dengan matang sebelum membuat keputusan untuk berkahwin dengan warga asing.

"Natijahnya, diri sendiri yang akan merana kelak,"

memilih untuk berkahwin dengan lelaki asing.

"Bukan saya sahaja yang hairan, malah ramai lagi masyarakat kita di luar sana termenung memikirkan tentang situasi ini.

"Bayangkan, dalam tempoh yang agak singkat, contoh seminggu, gadis tempatan kita berkahwin dengan lelaki asing yang ada antara mereka masih belum mengenali di antara satu sama lain.

"Memang jika difikirkan, soal jodoh ketentuan Allah, tetapi tidak salah untuk kita memperuntukkan masa sebelum membuat keputusan untuk berkahwin," katanya tegas.

Beliau berkata, isu kahwin dengan warga asing bukanlah sukar dicari jalan penyelesaiannya.

"Jika ada kerjasama daripada semua pihak, saya rasa sindrom kahwin warga asing ini dapat dibanteras. Sebagai contoh, kerajaan mungkin dapat mengehadakan atau membuat beberapa penapisan sebelum mengambil warga asing bekerja dan mencari rezeki di negara ini," katanya.

Sebagai kesimpulannya, Ustaz Shahrizan menasihati gadis-gadis Melayu agar tidak mudah terpedaya dengan janji manis warga asing serta tidak terdorong hanya oleh nafsu

Jerat ci

Jangan terburu-buru b

Pasti pembaca biasa mendengar pantun Melayu empat kerat ini. Siapa yang dapat memastikan bilakah pantun klasik ini dicipta? Sudah tentu sukar bukan?

Penulis bukan mahu memperdebatkan tentang pencipta pantun ini, sebaliknya ingin berkongsi tentang pantun klasik yang dilihat menceritakan budaya setempat, iaitu tidak keterlaluan jika dikatakan ini adalah bukti wujud budaya kahwin lari dalam masyarakat Melayu.

Apa yang dinyatakan penulis bukanlah omongan kosong, tetapi ia berdasarkan trend terkini yang menunjukkan segelintir wanita kita suka mengahwini jejaka warga asing

(Pakistan, Afrika atau

Indonesia)

sehingga sanggup buat apa saja, antaranya lari bersama mereka dan



Siti Sarawati Johar

Sumbangan 2.5

FENOMENA keberkatan sering dikesampingkan tanpa sedar oleh ramai orang. Pengalaman penulis di arena zakat ini, sering benar terjumpa dengan manusia yang berkeluh-kesah tentang kehidupan. Gaji besar tetapi tidak cukup-cukup. Anak-anak menderhaka dan tidak mendengar kata. Suami liar di luar atau



merana kelak,"
katanya.

Menurut
Ustaz
Shahrizan
lagi,
beliau
sendiri
berasa
hairan
mengapa
ramai antara
wanita atau
gadis tempatan
kita

dengan janji manis warga asing serta
tidak terburu-buru membuat keputusan
untuk berkahwin dengan mereka.

Sebaliknya, tegas Ustaz Shahrizan,
buatlah keputusan matang dengan
mengambil kira dalam semua aspek.

"Jangan sesekali mengetepikan
keluarga ketika ingin membuat
keputusan kerana nasihat daripada
mereka adalah yang terbaik untuk anak-
anak.

"Paling penting, jangan hampakan
ibu bapa dan memalukan mereka
dengan perkara-perkara yang tidak
diingini," katanya.

*soal jodoh ketentuan
Allah, tetapi tidak salah
untuk kita memperuntukkan
masa sebelum membuat
keputusan untuk berkahwin."*

- Ustaz Haji Shahrizan Daud At Turabi

mendengar kata. Suami liar di luar atau
isteri sering nusyuz kepada suami.
Hakikatnya, ini adalah gejala hilangnya
keberkatan. Dalam Islam, ada cara untuk
mencari keberkatan yang 'hilang' itu.

Itulah 2.5 peratus (selepas ini ditulis
2.5%). Apakah maknanya? Sebenarnya
2.5% atau menyamai 1/40 itu adalah kadar
zakat harta dalam Islam. Bagaimanakah
2.5% zakat itu mampu menyumbang
kepada keberkatan? Jawapannya mudah,
kerana zakat adalah suruhan Allah. Apabila
Allah SWT mengarahkan sesuatu syariat
untuk dilaksanakan, semestinya di sana
wujud pelbagai hikmah dan kebaikan.
Hikmah zakat menghasilkan kehidupan
yang adil dan saksama sesama insan.
Maka, dari situlah lahirnya bibit keberkatan
seiring sifat ihsan yang kita amalkan.

Jika dikaji, berkat adalah subjektif
sifatnya. Ia tidak nampak pada mata
namun dapat dirasai di jiwa. Sebagai
contoh, apabila rumah tangga yang dibina
aman damai, penuh sakinah. Si isteri amat
menghormati suami, anak-anak mematuhi

inta lelaki asing

buat keputusan

meninggalkan keluarga masing-masing.

Situasi sebegini dilihat cukup parah, apatah lagi pelbagai informasi terkini berhubung ratusan gadis kita berada di negara luar akibat terjerat dengan ikatan perkahwinan bersama lelaki warga asing cukup merisaukan dan membimbangkan.

Penyarah di Jabatan Kemanusiaan, Fakulti Sains Sastera dan Warisan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Johor, Siti Sarawati Johar berkata, banyak faktor menyebabkan wanita atau remaja perempuan tempatan sukakan warga asing dan sanggup mengahwini lelaki itu tanpa mengambil kira hati dan perasaan keluarga masing-masing.

Beliau berpendapat, ia berpunca dari faktor signifikan, iaitu kurang mendapat perhatian dan kasih sayang mahupun didikan daripada keluarga.

Ini disebabkan institusi keluarga masa kini lebih bertumpu untuk meningkatkan taraf material sehingga menenggelamkan soal didikan yang seharusnya bersifat menyeluruh, iaitu merangkumi emosi, rohani, mental dan jasmani.

"Ibu bapa wajib mendidik dan berikan tumpuan kepada anak sedari mereka lahir lagi. Tujuannya, untuk menjadikan anak seorang insan yang utuh keperibadiannya.

"Kegagalan fungsi ini menyebabkan anak-anak terpengaruh dengan anasir luar dan menjadi insan naif tentang hakikat kehidupan sebenar," kata Siti Sarawati.

KELEBIHAN LELAKI ASING

BERBANDING TEMPATAN

"Banyak kelebihan lelaki asing ini... jika tidak, mana mungkin remaja itu sanggup kahwin lari dan meninggalkan keluarga tercinta," ujar Siti Sarawati.

Katanya, lelaki warga asing bijak mengambil hati remaja tempatan, sangat mengambil berat, berbudi bahasa, penyayang dan rajin bekerja. Namun, kata Siti, kelebihan lelaki asing itu bukanlah menggambarkan lelaki tempatan tidak memiliki sikap sedemikian, ada, cuma ada segelintir lelaki tempatan yang tidak memiliki sifat sebegini.

"Melihat kembali kelebihan lelaki asing, ingin saya kongsi bahawa lelaki asing khususnya dari Lombok, sangat serius dengan ikatan percintaan.

"Mereka (lelaki lombok) melihat ikatan percintaan perlu diakhiri dengan perkahwinan secara sah yang menjadi lambang bukti cinta sejati, di samping membuktikan juga kepatuhan mereka terhadap agama serta adab budaya.

"Kesungguhan lelaki warga asing inilah yang menguatkan lagi keinginan remaja perempuan tempatan untuk memilih keputusan berkahwin senyap-senyap dan seterusnya mengikut pulang ke negara asal suami.

"Kelebihan yang ada itu berserta kesungguhan dalam mencari rezeki membuatkan remaja tempatan berasa agak selamat untuk terus bersama dengan lelaki asing," katanya.

Sinar harian 18/06/2010

M/S 2-3

KUAT KUASA UNDANG-UNDANG

Ujarnya lagi, undang-undang sedia ada adalah undang-undang yang sudah sedia diamalkan, akan tetapi mungkin perlu untuk diperhalusi dan dibuat penambahbaikan bagi mengatasi masalah kebanjiran isu remaja perempuan tempatan yang lari mengikut lelaki asing.

"Undang-undang yang dikanunkan bagi mana-mana jua perbuatan orang Islam di Malaysia yang berkahwin tanpa mematuhi prosedur undang-undang adalah suatu kesalahan menurut undang-undang syariah dan boleh dikenakan penalti, sama ada penalti berbentuk jenayah syariah atau penalti yang membawa kepada tindakan tidak boleh mendaftar perkahwinan berkenaan.

"Mungkin selepas ini perlu ada semakan semula undang-undang sama ada secara syariah ataupun sivil agar undang-undang dapat lebih diperketat dan hukuman perlu dijatuhkan kepada kedua-dua pihak dengan tujuan agar dapat memberikan iktibar yang bermakna kepada orang lain," tegasnya lagi.

Menurutnya, keutuhan sesebuah institusi keluarga yang bermula dengan perkahwinan perlulah bertitik tolak dari unsur perkahwinan yang baik kerana sesuatu bermula dengan baik pastinya akan berkesudahan dengan baik kerana Islam sangat mengutamakan perkara-perkara asas dalam pembentukan institusi kekeluargaan.

Tan
bia
Ku pinang-p
ku pu

5% yang menjamin keberkatan

Penulis merupakan Ketua Unit Perhubungan Selangor (MAIS) dan boleh dihubungi di Hamizul Abdul

ibu ayah dan suami mithali, maka itu semua adalah pertanda adanya keberkatan. Pertunjuk lain, ialah apabila rezeki dikurniakan Allah sentiasa mencukupi, tidak terjadinya banyak masalah dalam kehidupan seharian, segala urusan dipermudahkan Allah. Ini semua adalah indikator keberkatan hidup yang mungkin telah dikurniakan Allah SWT kepada kita.

Firman Allah bermaksud: "Orang-orang menafkahkan hartanya pada malam dan siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Tidak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati" (Al-Baqarah: 274)

Maka, kita sewajarnya berusaha mencari keberkatan agar hidup menjadi bahagia. Tiada makna wang banyak jika hati merana, ditinggalkan pasangan, disingkirkan daripada keluarga sendiri atau hanya didatangi kerana harta semata. Bayangkan, dengan hanya peruntuk 2.5% daripada rezeki iaitu pendapatan bulanan kepada zakat, sudah memadai untuk memperoleh berkat daripada Allah SWT. Itulah zakat pendapatan kita, yang sering dianggap 'tidak mengapa' diabaikan. Walhal jika sudah zakat namanya, ia adalah wajib dan berdosalah jika sengaja acuh.


Dunia ini dan kita semua adalah milik

Allah, maka kita sepatutnya sedar apakah resipi bagi mencari kasih sayang Allah dan menghindari perkara dibenci Allah.

Antara perkara dibenci Allah ialah kita terlalu menumpukan kekayaan sehingga mengabaikan hak-hak yang wujud pada harta-harta itu. Inilah sifat dipanggil melampau atau ekstrem dalam berhartanya, seperti si Qarun yang dibenamkan Allah SWT ke dalam bumi. Firman Allah bermaksud: "Makanlah dan minumlah, tetapi janganlah berlebih-lebihan. Sesungguhnya Allah tidak mengasihani orang-orang berlebihan," (al-A'raf: 31).

Sebaliknya, Allah SWT amat menyukai orang yang sentiasa berkasih-sayang, membantu sesama manusia dan memberikan manfaat kepada seluruh alam. Firman Allah lagi: "Belanjakanlah hartamu pada jalan Allah dan janganlah kamu mencampakkan dirimu ke dalam kebinasaan dan berbuat baiklah. Sesungguhnya Allah mengasihani orang yang berbuat baik," (al-Baqarah: 195)

Sesungguhnya, zakat salah satu jalan alternatif mendapat keberkatan hidup. Jika tidak, masakan Islam mewajibkan zakat dan mengangkatnya sebagai satu daripada lima tiang agama Islam. Apabila zakat dihayati, lahir keindahannya. Apakah kita tidak teringin mendapat habuan di dunia dengan hidup di dalam kedamaian?



Mereka yang bekerja dan mempunyai pendapat

Hidup pula di akhirat kelak terhindar daripada bakaran dan ditempatkan di syurga? Ingatlah, memberikan kehidupan yang baik di dunia dan akhirat juga adalah sebahagian daripada hak-hak badan kita yang perlu ditunaikan.

Bak kata hadis nabi: "Jasad kamu

nam pinang rapat-rapat,
ar senang puyuh berlari,
pinang tak dapat-dapat,
ujuk-pujuk, ku bawa lari.

NASIHAT

Remaja wajar meletakkan ibu bapa di posisi sangat istimewa di hati dan di mata kerana untuk hidup bahagia di dunia dan di akhirat, mereka perlu mendapatkan keredaan daripada kedua orang tua. Ini penting supaya hidup sentiasa ada paksi kesedaran hakiki bertunjangan kepada.

Menurut Siti Sarawati, mengikut lelaki asing lari bukanlah tindakan bijak, malah ia akan meremukkan hati kedua-dua ibu bapa yang telah banyak jasanya.

Sabda Rasulullah SAW bermaksud, "Redha Allah bergantung pada redha kedua-dua ibu bapa, dan murka Allah bergantung pada murka kedua-dua ibu bapa." (Hadis riwayat al-Hakim).

Katanya, wajib setiap remaja mengetahui bahawa setiap anak yang derhaka akan dilaknat oleh Allah dan amalan, ibadah mereka tidak diterima dan tidak akan mendapat ganjaran.

"Sebab itulah, Islam mengutamakan usaha memperoleh keredaan daripada kedua-dua ibu bapa agar kita dapat hidup dengan tenang dan sentiasa diberkati Allah. Hakikatnya, ibu bapa mempunyai kedudukan yang mulia di sisi Allah.

"Sesungguhnya kita mengharapkan hidup yang diberkati Allah SWT, maka setiap saat kehidupan semestinya disulami dengan tingkah laku dan perilaku yang berlandaskan agama, seterusnya memperoleh kebahagiaan di dunia dan di akhirat," katanya.

Kronologi wanita tempatan yang berkahwin dan cerai dengan suami warga asing

- Sekitar 1990-an - Lebih 15 tahun lalu, negara dikejutkan dengan kecekalan Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad melarikan dua anaknya Raja Mohamad Baharuddin dan Raja Shahirah Aishah, hasil perkahwinan dengan warga Australia Jacqueline Pascarl-Gillespie, selepas pasangan itu bercerai. Pasangan itu berkahwin di Terengganu pada Mac 1981. Dua minggu selepas Shahirah dilahirkan, Raja Bahrin berkahwin dengan isteri kedua. Sekalipun terpisah sejak 1992 Pascarl-Gillespie menjalin semula perhubungan dengan anak-anaknya secara sulit menerusi e-mel dan panggilan telefon. Pascarl-Gillespie membawa dua anaknya balik ke Melbourne untuk menziarahi nenek mereka yang sakit pada tahun 1985 dan kemudian memfailkan permohonan perceraian di Australia. Raja Bahrin mengambil tindakan berani membawa keluar anaknya itu dengan bantuan Bryan Wickham dan dua lagi rakyat Australia pada Julai 1992, selepas segala usaha secara sah yang dijalankan beliau selama tujuh tahun untuk menyelamatkan anaknya itu menemui jalan buntu.
- Februari, 1998 kes pertama membabitkan seorang pensyarah bergelar profesor madya yang didakwa melarikan lima anak daripada bekas isterinya seorang warga Britain selepas pasangan terbabit berpisah. Kes mereka mendapat liputan meluas media tempatan dan turut dilaporkan media asing. Kesannya bukan saja membabitkan masalah dalaman pasangan itu tetapi boleh menjejaskan hubungan diplomatik kedua negara apabila tidak ditangani dengan baik. Kes kedua membabitkan seorang kerabat diraja yang mendakwa dua anaknya dilarikan bekas isterinya, warga Amerika Syarikat. Kes itu turut mendapat liputan media tempatan. Kerabat terbabit berharap supaya bekas isterinya dapat mengembalikan kanak-kanak itu ke pangkuannya.
- Julai, 2008 - Seorang wanita, Siti Nadzirah Mohd Nasir, 23, berjaya mendapatkan semula hak penjagaan daripada jagaan bekas suami, warga Pakistan, Fazal

an Awam di Lembaga Zakat
di hamizul@e-zakat.com.my.
Hamid (www.hamizul.com)

fikrah
amil



atan wajib mengeluarkan zakat.

mempunyai hak, adalah menjadi tanggungjawab kamu untuk memberikannya hak-hak tersebut.” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Oleh itu, marilah kita berzakat dengan seikhlas hati. Mudah-mudahan kita bisa meraih bahagia di dunia dan juga di akhirat nanti.

Azim Abdul Ahad, 25. Mereka berkahwin pada Januari 2006. Beliau sanggup terbang bersendirian ke Pakistan bagi mengambil anaknya, Arman Khan Fazal Azim. Siti Nadzirah yang berkahwin dengan lelaki Pakistan dan membuat tuntutan hak jagaan anak pada 23 November 2007 di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam. Beliau bernasib baik kerana berkahwin di Malaysia dan perkahwinannya sah dari segi undang-undang.

- 2009 - Seluruh negara gempar berhubung seorang ibu malang, Elis Syuhaila Mokhtar, 34, yang berjuang mendapatkan semula anak kesayangan, Ferris Mokhtar Van de Ven, 6, yang 'dilarikan' bekas suaminya, Firdaus @ Frank Theodours Van De Ven, 40, ke Belgium. Sehingga kini, ibu malang itu gigit berusaha mendapatkan semula satu-satunya anak yang di kandung walaupun dia telah diberikan hak penjagaan anak oleh Mahkamah Tinggi Syariah baru-baru ini. Kes ibu muda ini mendapat perhatian semua pihak malah ramai yang bersimpati ke atasnya. Namun ada juga yang bersikap sinikal pada Elis, tetapi itu semua tidak menjadi kudis buat dirinya.

FAKTA: RISIKO MENGAHWINI WARGA ASING:

- Perkahwinan tidak didaftarkan dan disahkan.
- Sukar menyesuaikan diri dengan cara hidup pasangan.
- Bermasalah dengan mentua.
- Ditinggalkan begitu saja atau digantung tidak bertali.

SUKAR MENDAPAT HAK PENJAGAAN ANAK SERTA TUNTUTAN LAIN. APA PERLU DILAKUKAN APABILA BERKAHWIN DENGAN WARGA ASING:

- Pastikan perkahwinan sah di sisi undang-undang dengan mendaftar di Pejabat Agama Islam.
- Belajar memahami budaya hidup pasangan.
- Menghormati cara hidup pasangan dan keluarganya.
- Bersikap toleransi.